



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/60 Jld.3 (16)
Tarikh : 16 Oktober 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN SETIAUSAHA PEJABAT GRED N27/N28 KE GRED N32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) akan melaksanakan urusan persediaan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg.Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan untuk pemangkuan bagi jawatan berkenaan. Setiausaha Pejabat Gred N27/N28 layak dipertimbangkan bagi pemangkuan ke Gred N32 apabila memenuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Setiausaha Pejabat Gred N27/N28 yang telah disahkan dalam perkhidmatan / berada pada Gred N28 hakiki;
- 2.2 dilantik kali pertama dalam perkhidmatan awam **sebelum atau pada 31 Disember 1993** dalam skim berkenaan, sebelum ditukar lantik ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dan Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat;
- 2.3 mencapai markah wajar Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini (2011, 2012 dan 2013) **tidak kurang 80%**;
- 2.4 lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;

- 2.6 bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.7 bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib; dan
- 2.8 **diperaku oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan**

3. Semua permohonan hendaklah dilengkapi dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** serta mengemukakan bersama-sama dokumen-dokumen yang telah disahkan pada setiap helaian muka surat seperti di bawah:

- 3.1 **satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini; dan**
- 3.2 **satu (1) salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terkini (2011, 2012 dan 2013)**

4. Sukacita diingatkan bahawa urusan pemangkuan ini berkemungkinan melibatkan penempatan ke Kementerian/Jabatan Persekutuan lain. Untuk makluman pihak YBhg.Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan jua, **penempatan sebenar pemohon adalah tertakluk kepada pertimbangan akhir Jabatan ini demi kepentingan perkhidmatan secara keseluruhannya.**

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA **sebelum atau pada 21 November 2014 (Jumaat)** di alamat:

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Puan Norziahulshima Binti Tajuddin)

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Nurul Hasanah binti Hilmi - 03 8887 8627
hasanah.hilmi@jpa.gov.my
- ii. Puan Sharifatul Aishah binti Baseri - 03 8885 4939
aishah.baseri@jpa.gov.my

iii. Puan Salina binti Ibrahim
salina.ibrahim@jpa.gov.my


- 03 8885 4939

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg.Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ : 03-8885 4110

✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my